

ALIH KOD MELAYU-ARAB DALAM DRAMA “WARKAH CINTA” *MALAY – ARABIC CODE SWITCHING IN DRAMA “WARKAH CINTA”*

Nurul Nadhirah binti Senan^{1*}, Mohd Azidan bin Abdul Jabar².

1 Pelajar Ijazah Sarjana Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, nadhira9404@gmail.com.

2.Prof. Mohd Azidan Abdul Jabar Dekan (Siswazah dan Antarabangsa) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) 43400 Serdang, Selangor. azid@upm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 13 Jun 2022

| Selepas Pembedaan: 19 Jun 2022

| Diterima untuk terbit: 6 Nov 2023

Abstrak

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum dan berbilang bangsa yang melahirkan pelbagai keunikan budaya, kepercayaan dan bahasa. Hampir kesemua negara yang mempunyai penduduk yang berbilang bangsa dan kaum mengalami fenomena alih kod. Fenomena ini mempengaruhi kewujudan alih kod dalam komunikasi masyarakat yang merupakan sebahagian daripada ciri multilingual rakyat Malaysia. Kajian ilmiah ini dijalankan untuk mengenal pasti fenomena alih kod Melayu-Arab dalam drama ‘Warkah Cinta’ pada tahun 2012, saluran TV Al- Hijrah. Kajian ini meneliti jenis alih kod dan fungsi alih kod melalui drama ‘Warkah Cinta’. Di samping itu, kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis teks dalam mengaplikasikan pendekatan Teori Poplack (1980) bagi mencapai objektif utama iaitu mengkaji jenis-jenis alih kod. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa bahawa alih kod terbahagi kepada dua jenis sahaja menerusi drama ini iaitu inter-ayat dan intra ayat. Terdapat 19% alih kod jenis inter-ayat dan 81% alih kod jenis intra-ayat ditemui dalam kajian ini.

Kata kunci

Alih kod Melayu- Arab, drama

Abstract

Malaysia is a multiracial nation that creates a variety of cultures, beliefs and languages. Almost all countries with multilingual and racial populations will experience a phenomenon of code switching. This phenomenon of code switching affects the existence in communication of the multilingual speaker in Malaysia. This scientific study was conducted to identify the code switching of Malay-Arabic in the 'Warkah Cinta' in 2012, the Al-Hijrah TV channel. This study examines the type of code switching and its function through the drama 'Warkah Cinta'. In addition, this study was qualitative using the text analysis method in applying the Poplack's theory (1980) to studying the types of code switches which is the main objective in this research. The findings show that code switching is divided into two types, inter-sentential and intra-sentential. There were 19% inter-sentential type and 81% intra-sentential type was found in this study.

Keywords

Code switching Malay-Arabic, drama

1.0 Pendahuluan

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum dan berbilang bangsa yang melahirkan pelbagai keunikan budaya, kepercayaan dan bahasa. Bahasa merupakan medium komunikasi yang digunakan untuk berinteraksi antara satu sama lain. Selain itu, bahasa digunakan sebagai alat untuk menyampaikan buah fikiran manusia melalui pertuturan. Adakalanya, kegiatan pertuturan tersebut dilakukan dengan menggunakan lebih daripada satu kod, maka ragam pertuturan tersebut menjadi ragam yang dikenali sebagai ragam penukaran kod (Farid, et al., 1989).

Menurut Asmah Haji Omar (1982) kod yang dimaksudkan adalah terdiri daripada bahasa, dialek atau stail. Kod adalah bahasa yang mempunyai sebutan yang berbeza serta mampu beralih dari variasi ke variasi yang lain. Peralihan kod telah menarik perhatian ramai sarjana dari pelbagai negara dalam pelbagai bahasa. Ia juga bergantung kepada hubungan antara fungsi dan peranan bahasa. Peranan merujuk kepada individu yang menggunakan bahasa. manakala fungsi bahasa merujuk kepada apa yang ingin dicapai atau disampaikan oleh penutur dalam percakapannya. Peranan juga bergantung kepada ciri-ciri khusus penutur seperti latar belakang sosial, tahap pendidikan dan kawasan setempat. Crystal (1987) menyatakan bahawa alih kod berlaku apabila penutur dwibahasa menggunakan dua bahasa atau dialek yang berlainan secara berganti-ganti dalam perbualan dengan golongan dwibahasa yang lain. Alih kod berlaku apabila penutur bertukar daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain dalam pertuturan.

Justeru, kajian ini akan membincangkan jenis alih kod dalam kod Melayu-Arab dalam drama 'Warkah Cinta'. Drama ini dipilih sebagai subjek kajian kerana drama tersebut merupakan adaptasi sebuah novel yang banyak dipengaruhi oleh unsur percampuran kod, dialek dan slanga. Jelas bahawa alih kod menjadi amalan dalam novel ini dan seterusnya menggambarkan satu fenomena dalam penulisan novel-novel Melayu kini sehingga menghasilkan sebuah drama bersiri yang diminati ramai.

1.1 Alih Kod

Alih Kod atau *code switching* merupakan satu kajian sociolinguistik yang telah menjadi tumpuan para sarjana dari pelbagai negara. Pelbagai definisi yang telah dinyatakan oleh para sarjana antaranya Myers-Scotton (1993) yang menyatakan definisi umum bagi alih kod adalah penggunaan dua bahasa yang berlainan dalam sebuah perbualan. Di samping itu, fenomena ini merujuk kepada golongan dwibahasa yang menerangkan bahawa alih kod berlaku dalam pelbagai aspek bahasa termasuk gaya bahasa, loghat, dan ungkapan (Myers-Scotton, 1993). Faiz Awae (2015) definisi alih kod dan campur kod mendapati bahawa konsep alih kod dan campur kod adalah saling berhubung kait. Hal ini demikian kerana alternasi dalam ayat (campur kod), dan alternasi antara ayat

atau interayat (alih kod) merupakan klasifikasi jenis bagi alih kod. Dengan kata lain, dalam kajian ini, alternasi antara dua ragam bahasa yang berbeza, sama ada intra ayat ataupun inter ayat dianggap sebagai alih kod. Alih kod juga berlaku pada setiap tahap, iaitu perkataan, frasa, dan juga ayat.

Menurut Grosjean (1982) dan Heller (1988) alih kod bukan hanya berlaku dalam dua bahasa sahaja, malah ianya boleh melebihi daripada dua bahasa. Proses Alih kod berlaku dalam satu ucapan yang melibatkan pengucap dan penutur yang lain. Definiumum tersebut disimpulkan berdasarkan kajian lalu yang menunjukkan bahawa AK berlaku dalam pelbagai tahap sama ada berlaku dalam perkataan, frasa, klausa dan ayat (Valdes- Fallis, 1978). Dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa penyisipan kata dalam bahasa penerima juga sering berlaku dalam alih kod.

Myers-Scotton (1993) pula memberi pengertian alih kod yang merujuk kepada ragam-ragam kepada bahasa yang sama dan tidak terhad kepada penggunaan dua bahasa sahaja. Dalam beberapa kajian seperti yang dinyatakan oleh Winford (2003: 105), para sarjana menggunakan istilah campur kod bagi merujuk kepada alternasi yang berlaku dalam ayat yang sama. Manakala alih kod pula merujuk kepada alternasi yang berlaku antara ayat. Halmari (1997: 16) juga sependapat dengan pengkaji lain yang menyatakan bahawa campur kod merujuk kepada alternasi yang berlaku dalam ayat.

Manakala, Gumperz (1982) menyatakan bahawa pengantian adalah kerap berlaku dalam bentuk dua ayat berturut-turut ketika pengucap menggunakan bahasa kedua sebagai pengulangan atau menjawab kenyataan seseorang. Definisi yang dinyatakan oleh Gumperz adalah lebih luas jika di bandingkan dengan yang lain kerana ianya merangkumi kedua-dua alih kod iaitu dalam satu bahasa dan AK di antara dua bahasa. Alih kod juga berlaku dalam ucapan seseorang pengucap serta beralih kepada pengucap yang lain yang disebut sebagai *interlocutor*.

2.0 Kajian Literatur

Mohammad Fadzeli Jaafar (2015) telah mengkaji gaya peralihan kod dalam kesusasteraan multilingual di Malaysia dan berpandangan bahawa peralihan kod digunakan untuk menggambarkan identiti pengarang dan pembaca. Analisis peralihan kod dalam makalah ini akan berdasarkan pengkategorian yang dikemukakan oleh Milroy dan Musyken. Hasil kajian menunjukkan bahawa intra-ayat lebih produktif berbanding inter-ayat dalam kesusasteraan Melayu. Penutur lebih cenderung memilih peralihan kod Melayu-Inggeris dalam situasi formal dan akan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam situasi tidak formal. Kajian ini mendapati kebanyakan watak dalam novel Melayu adalah dwibahasa dominan, iaitu dominan dalam satu bahasa.

Selain itu, terdapat kajian yang telah dilakukan terhadap drama 'Warkah Cinta' yang mengkaji representasi dakwah dalam drama tersebut oleh Wawarah Saidpudin & Wan Amizah Wan Mahmud (2015) dalam 1st National Conference on Communication Research & Exhibition [2015] KUIS, 4 Mac 2015. Hasil kajian menunjukkan bahawa drama ini berjaya memaparkan dakwah kepada keimanan mentauhidkan Allah dan kehidupan yang berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunnah yang diselaraskan dengan teknik penerbitan drama tersebut. Kesimpulannya dakwah dalam dramadapat

disampaikan dengan lebih berkesan melalui gabungan kreativiti para pengamal media dan perkongsian kandungan media mengenai ilmu agama.

Eldin (2014) mengkaji fungsi-fungsi penukaran kod yang dilakukan oleh pengguna bahasa arab-bahasa Inggeris dalam interaksi *Facebook*. Data kajian ini dikumpulkan dari kemas kini status yang disiarkan oleh pengguna dwibahasa di laman *Facebook* mereka. Dapatan menunjukkan bahawa pertukaran kod berlaku dalam interaksi dalam talian untuk memberikan spesifikasi penerima, pengulangan, kelayakan mesej, penjelasan, penekanan, pemeriksaan, menunjukkan emosi, ketersediaan, prinsip ekonomi dan fungsi penukaran percuma.

Selain itu, Al-Masaeed (2013) telah mengkaji mengenai peranan alih kod bahasa Arab- Inggeris yang melibatkan pelajar bahasa Arab yang mahir dalam bahasa ibundanya dan bahasa Inggeris di Morocco. Dapatan kajian beliau mendapati bahawa alih kod berperanan dalam pengulangan kata untuk menarik perhatian penonton, menyebut semula kata-kata sarjana lain mengekspresikan perkataan tertentu, mengajuk dalam penuturan serta berfungsi dalam permainan dan rundingan bahasa.

Manakala, Al-Hourani & Afizah (2013) mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pengalihan kod bahasa Arab-Inggeris seramai 5 responden (25 hingga 32 tahun) menggunakan kaedah rakaman dan wawancara. Hasil kajian menunjukkan bahawa empat faktor mempengaruhi pertukaran kod adalah kebiasaan, situasi, topik dan umur.

Kajian yang dilakukan semakin meluas dalam pelbagai aspek dalam kalangan sarjana moden seiringan perkembangan teknologi. Tidak sekadar bergantung kepada penulisan buku dan rakaman suara, malah para sarjana berjaya membina lompang kajian menggunakan beberapa peranti teknologi seperti mana Rabab'ah (2016) mengkaji penukaran kod Arab-Inggeris yang beralih ke Arabizi (Bahasa Arab yang ditulis dalam abjad Roman) melalui peranti pesanan ringkas (*SMS*) di kalangan remaja di Jordan. Sampelnya terdiri daripada 150 pelajar remaja (13 - 17 tahun) dari 5 sekolah awam dan swasta yang berbeza dan mengumpulkan 1500 teks mesej. Dapatan kajian mendapati penukaran kod berlaku disebabkan oleh ekonomi, eufemisme, prestij, dan ketidakpastian penggunaan akronim dan singkatan, dan daya tarikan bahasa Inggeris.

Jdetawy (2011) meninjau tingkah laku tingkah laku pelajar Arab di Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui soal selidik. Beliau menganalisis maklum balas daripada 155 pelajar Arab dari berbagai bangsa (Iraq, Yordania, Libya, Palestin, Syria, dan Yemenis) dan umur yang mendaftar dalam Sarjana Muda, Sarjana, dan Ph.D. program di UUM. Semua responden merupakan pengguna bahasa Arab sebagai bahasa pertama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa majoriti bilangan responden tersebut menggunakan penukaran kod bahasa utama kepada bahasa kedua ketika berkomunikasi dalam kehidupan seharian mereka. Terdapat kajian lain yang dijalankan berkaitan kata pinjaman Arab seperti "Perkataan Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Dari Aspek Semantik" oleh Mohd. Alwee Yusoff (2006). Kajian ini memfokuskan perubahan kata pinjaman Arab yang telah berubah makna apabila dipinjam masuk ke dalam bahasa Melayu dari sudut semantik. Berdasarkan kajian para sarjana, dapat merumuskan bahawa proses peminjaman kata dan AK merupakan dua perkara yang berbeza.

3.0 Permasalahan Kajian


Sorotan kajian lalu alih kod lebih memfokuskan terhadap dua bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pengkaji mendapati bahawa kajian ini dapat mengisi kelompangan bahasa dalam mengkaji alih kod di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Bahasa merupakan alat untuk menyampaikan idea dan pemikiran seseorang. Alih kod pula merupakan satu fenomena yang berlaku dalam sesebuah komuniti bilingual dalam interaksi sosial. Hal ini menunjukkan bahawa sosiolinguistik membawa peranan penting dalam membentuk fenomena baru dalam masyarakat sama ada memberikan kesan negatif atau sebaliknya. Sehubungan itu, terdapat kesan negatif yang dapat dilihat antaranya kecenderungan alih kod sebagai penghalang dan mengganggu persekitaran pembelajaran. Oleh itu, Li (2000) menganggap alih kod sebagai tanda kekurangan linguistik yang biasa terjadi dalam ucapan dan penulisan masyarakat berbilang bahasa dan kerap digunakan oleh penutur berbilang bahasa.

Selain itu, bahasa juga berperanan sebagai *trend* yang berkembang pesat dan mampu mempengaruhi masyarakat sekeliling. Hamidah (2003) menyatakan bahawa penggunaan bahasa 'asing' yang adakalanya menjadi ikutan remaja. Unsur-unsur sebegini sudah pasti ianya mampu menarik minat dan mempengaruhi minda dan perilaku audien khususnya golongan remaja. Jika dilihat dalam karya hiburan, terlalu banyak filem yang telah ditayangkan yang mengandungi pengalihan satu bahasa ke bahasa yang lain yang seperti filem KL Gangster (2013), Taikun (2016), dan sebagainya. Hassan Ahmad (2009), dalam artikelnya menyatakan bahawa kecelaruan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain mengganggu keaslian bahasa yang menular dalam kalangan masyarakat bertambah merebak dan serius.

Seterusnya, kepentingan kajian ini dilakukan dalam memperluaskan kajian drama setanding kajian perfileman. Kajian perfileman telah banyak dilakukan oleh para sarjana antaranya; Asiah Sarji (2003) Jamaluddin Aziz (2011). Namun begitu, kajian tersebut hanya menghadkan objektif kajian terhadap mutu watak, dialog dan nilai-nilai murni. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa masih kurang penyelidikan terhadap aspek sosiolinguistik dalam filem dan drama terutama dalam merungkai fenomena alih kod.

4.0 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis teks. Reka bentuk ini digunakan untuk melihat fenomena penukaran kod Melayu- Arab dalam drama yang terpilih. Drama ini terdiri daripada 12 episod yang berdurasi selama 50 minit bagi setiap episod. Namun begitu, kajian ini dihadkan kepada episod pertama sahaja dalam drama tersebut. Setiap dialog yang terdiri daripada percampuran Melayu-Arab akan direkodkan dan ditranskripsi oleh pengkaji. Dapatan kajian yang terhasil merupakan reka bentuk yang telah dikelaskan mengikut teori Poplack (1980).



Berikut adalah teori yang digunakan bagi kajian yang akan dijalankan. Alih kod terbahagi kepada tiga jenis iaitu, inter-ayat (*intersentential*) dan intra-ayat (*intrasentential*) dan tag yang menyematkan unsur *interjection* dalam satu ujaran. Unsur tag boleh disematkan di mana-mana sahaja dalam struktur ujaran tanpa melanggar peraturan dalam bahasa (Poplack, 1982). Sebagai contoh unsur “lah” merupakan unsur tag terkecil atau paling minimal dan berfungsi dalam menegaskan, melembutkan, mengesahkan atau memperkuatkan sesuatu ujaran (Mohammad Fazli Jaafar, 1999). Di samping itu alih kod dapat dijumpai dalam tiga tahap iaitu, ayat, frasa dan perkataan. Seterusnya tahap intra ayat (*intra-sentential*) pula merujuk kepada percampuran dua bahasa dalam satu kata atau frasa dalam satu ayat yang sama. Dari segi teori bilingualisme, tahap inter-ayat memerlukan kecekapan berbahasa yang lebih tinggi, iaitu penutur dwibahasa yang setara (*balanced bilingual*). Tahap kecekapan berbahasa Inggeris yang baik tidak akan mencampuradukkan perkataan bahasa Inggeris dalam pertuturan mereka seperti bentuk intra-ayat. Ini menunjukkan bahawa peralihan kod juga berfungsi sebagai penanda status untuk golongan penutur yang tertentu. Penggunaan peralihan kod yang ketara turut berfungsi untuk menggambarkan gaya bahasa masyarakat kelas menengah dan atas di bandar, selain menonjolkan identiti penutur wibahasa yang melangkaui batasan umur, kelas sosial, bangsa dan agama (Mohammad Fadzeli Jaafar, 2015).

5.0 Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Data yang diperolehi merupakan dialog yang terkandung penukaran kod di episod pertama dalam drama tersebut. Jadual di bawah menyenaraikan bilangan kekerapan alih kod Melayu-Arab yang dibahagikan mengikut kumpulan jenis ayat. Pengkaji menghimpunkan keseluruhan bilangan dialog yang mengandungi alih kod Melayu-Arab ke dalam satu jadual. Tujuan ini adalah memudahkan pengkaji untuk mendapatkan jumlah dialog yang mengandungi jenis inter-ayat dan intra-ayat.

5.1 Inter-Ayat

Menurut Poplack (1980), inter-ayat adalah jenis alih kod yang pertama yang dikenalpasti. Alih kod jenis ini berlaku sama ada di antara frasa, klausa atau sempadan

ayat. Tambahan pula, alih kod inter ayat ini melibatkan integrasi antara ayat-ayat yang paling sedikit.

Amir: **Kholâs! Haza sughayyarah âwiy.** Jaga silahratullah. Jangan kita berbalah.

(Episod 1: 15:46minit)

Berdasarkan ayat dialog di atas, **Kholâs! Haza sughayyarah âwiy.** merupakan bahasa 'Dialek atau bahasa pasar yang digunakan orang warga Mesir sepanjang menjalani kehidupan seharian. bahasa 'Dialek Mesir yang bermaksud 'Cukup! Itu hanya perkara yang sangat kecil'. Meskipun dialog tersebut dituturkan oleh pelakon tempatan, namun penulis menggunakan bahasa 'dialek' dalam sebahagian kecil dialog dalam drama tersebut.

Perkataan Arab dialek **Kholâs!** yang bermaksud 'sudah' atau 'selesai'. Manakala **Haza** هذا bermaksud ini, dan perkataan **sughayyrah** berasal dari perkataan صغيرة yang bermaksud kecil, bagi perkataan **âwiy.** pula membawa maksud sangat. Berdasarkan dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah dipengaruhi oleh masyarakat setempat di mana penggambaran berlangsung di sekitar ibu kota Mesir.

Rahim: **Ana za'ân âwiy!** Tak sangka dia sanggup menipu dalam perkara-perkara yang kecil!

(Episod 1: 15:24minit)

Berdasarkan ayat di atas, **ana** bermaksud saya, diikuti dengan perkataan **za'ân** زعلان yang bermaksud marah, dan diikuti perkataan **âwiy!** pula membawa maksud sangat. Ayat tersebut berbentuk satu ayat penyata **Ana za'ân âwiy!** bermaksud saya marah sangat!. Ayat tersebut diakhiri dengan tanda seru yang menunjukkan perasaan dan emosi penutur dengan nada yang tinggi. Tanda seru juga boleh digunakan untuk transkripsi percakapan yang terdapat dalam sebuah naskah drama. Namun secara umum, penggunaan tanda seru tidak boleh disertakan dengan tanda titik (.).

Di samping itu, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu dalam dialog tersebut. Penggunaan alih kod tersebut adalah dipengaruhi oleh latar pendidikan yang diterima oleh penutur iaitu, pelajar Universiti Al-Azhar.

Rahim: **Ana** sengaja ajak **enta** keluar makan. Sehari dua ni, nampak **enta** murung je, **enta kwayyis?**

(Episod 2, Minit 3.53)

Berdasarkan ayat di atas, **ana** أنا bermaksud saya, diikuti dengan perkataan 'enta' atau 'anta' أنت yang bermaksud 'kamu'. Kedua-dua perkataan ini merupakan alih kod inter-ayat yang berlaku di awal ayat. Kemudian ayat tersebut diikuti dengan satu ayat tanya yang dituturkan dalam bahasa Arab Dialek **enta kuwais?** yang bermaksud 'Kamu sihatkah?'.

Berdasarkan dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Melayu dan diikuti dalam bahasa Arab. Penggunaan alih kod yang amat ketara diulang adalah merujuk kepada kata ganti nama diri yang menunjukkan penutur selesa berbual bersama rakannya dalam situasi tidak formal. Perbualan tersebut disusuli soalan yang diajukan dalam bahasa sasaran untuk bertanyakan khabar dalam bahasa Arab.

Ketua kelas: Bangun! **Jazāk Allāhu Khayran Khathiran ya ustaz.**

(Episod 2, Minit 38:25)

Berdasarkan ayat di atas, perkataan 'ustaz' merupakan KPA dalam bahasa Melayu. Perkataan ustaz merupakan satu panggilan kepada guru yang mengajar ilmu agama. Manakala ayat **Jazak Allāh** atau **Jazāk Allāhu Khayran Kathiiran** (ialah istilah bahasa Arab digunakan dalam pengucapan yang bermaksud "semoga Allah membalas segala kebaikanmu").

Berdasarkan dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang bahasa Melayu dan diikuti dalam bahasa Arab. Penggunaan alih kod tersebut adalah dipengaruhi oleh persekitaran dan tahap pendidikan penutur. Melalui penggambaran tersebut, penutur merupakan ketua kelas bagi pelajar Sekolah Maahad Tahfiz yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Ungkapan tersebut membawa kepada dua situasi iaitu arahan untuk berdiri tegak dan ucapan terima kasih kepada guru.

Ustaz: Baik. **Bismi-Llāhi Ar-Raḥmāni Ar-Raḥīm. 'In Shā'a Llāh** Hari ini kita akan belajar tajuk...

(Episod 4, minit 14:02)

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat dua jenis alih kod iaitu inter-ayat dan intra-ayat. Inter-ayat terbentuk dalam satu ayat penyata iaitu ungkapan *bismi-llāhi ar-rahmāni ar-rahīmi* yang membawa maksud "Dengan nama Allah Maha Pemurah, Lagi Maha Mengasihani". Perkataan "basmalah" sendiri terbit dari sebutan empat konsonan pertama bagi *bismi-llāhi...* yang akarnya adalah b-s-m-l (ب س م ل). Akar konsonan abstrak ini digunakan untuk menerbitkan kata nama basmalah.

Kemudian, diikuti dengan alih kod dalam frasa '**In Shā'a Llāh** yang bermaksud 'jika diizinkan Allah'. Ayat penyata tersebut dituturkan dengan nada yang mendatar sebelum disambungkan kepada ungkapan seterusnya. Selain itu, dalam dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Melayu dan diikuti dalam bahasa Arab serta diakhiri dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah menunjukkan imej individu kepada masyarakat setempat. Penutur merupakan guru bahasa Arab kepada sekumpulan pelajar Melayu dalam sebuah kelas. Watak yang dibawa tersebut dapat memberi kesan kepada penonton untuk membezakan imej yang ditampilkan oleh guru agama dan pelajar.

Amir: **Ana** bercadang nak mendalami bahasa arab. Apa orang kata? **Takallam billughatil `Arabīyyah.**

(Episod 6:minit 13:05)

Berdasarkan ayat diatas, terdapat dua jenis alih kod iaitu berlaku dalam perkataan **ana** bermaksud 'saya' dalam ayat pertama. Kemudian, diikuti dengan dengan alih kod Inter-Ayat (*Intersentential*) dalam ayat seterusnya iaitu; **Takallam billughatil `Arabīyyah** yang bermaksud 'bercakap menggunakan Bahasa Arab'.

Jika dilihat dalam dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Melayu dan diikuti dalam bahasa Arab. Penggunaan alih kod tersebut adalah menguatkan isi ungkapan yang telah disebut dalam bahasa ibunda, justeru penutur telah mengulangi ungkapan dengan lebih jelas dalam bahasa sasaran iaitu penutur berhasrat untuk mahir berkomunikasi dalam bahasa Arab.

5.2 Intra-Ayat

Dalam mengkaji fenomena alih kod dalam dialog, penelitian terlebih dahulu dilakukan untuk mengenalpasti alih kod intra-ayat dalam setiap episod. Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas, sila rujuk Jadual 1, yang turut memaparkan contoh ujaran yang diperolehi dari petikan dialog yang telah ditranskripsikan.

Amir: Rozmi, **enta** kan badan kepimpinan pelajar kat sini. Tunjukkan **qudwah hasanah** tu. Jangan besarkan khilaf-khilaf macam ni.

(Episod 1: 16:35 minit)

Contoh diatas terdiri daripada tiga ayat. Ayat pertama mengandungi Alih kod dalam perkataan iaitu, 'enta' atau 'anta' yang bermaksud 'kamu'. Manakala ayat kedua mengandungi dua bentuk Alih kod iaitu dalam bentuk frasa, 'tunjukkan **qudwah hasanah** tu' dan bentuk perkataan 'khilaf-khilaf'.

Frasa merupakan satu ungkapan yang tidak sempurna atau kehilangan subjek atau predikat dalam membentuk satu ayat majmuk. Contoh frasa 'Tunjukkan **qudwah hasanah** tu' merupakan ungkapan yang tidak lengkap kerana berdiri tanpa subjek. Manakala perkataan '**qudwah**' membawa maksud contoh dan '**hasanah**' bermaksud terbaik. Disamping itu, '**hasanah**' merupakan sifat adjektif kepada '**qudwah**' yang dikenali sebagai *sifat mausuf*.

Ayat yang terakhir pula mengandungi kata pinjaman Arab dalam bentuk perkataan '*khilaf-khilaf*' yang bermaksud salah, keliru, silap: adalah juga beberapa kesalahan di dalamnya atau lupa; terkhilaf tersalah (kerana kurang teliti, kurang pengalaman, (Kamus Dewan Edisi Keempat). Perkataan tersebut tidak sepatutnya digandakan. Walaupun terdapat kesilapan tatabahasa dalam pembentukan ayat, namun ayat tersebut dapat difahami.

Balqis: Terima kasih lagi ye ustaz, **Jazaka Llāh**

(Episod 1: 20:30minit)

Berdasarkan ayat di atas, perkataan 'ustaz' merupakan KPA dalam bahasa Melayu. Perkataan ustaz merupakan satu panggilan kepada guru yang mengajar ilmu agama.

Manakala ayat **Jazaka Llāh / Jazak Allah Khair** ialah istilah bahasa Arab digunakan dalam pengucapan Islamik terima kasih yang bermaksud "semoga Allah membalas kebaikanmu". Walaupun perkataan biasa terima kasih dalam bahasa Arab adalah *shukran*, *jazak allahu khairan* selalunya digunakan oleh Muslim, dengan mempercayai bahawa seseorang itu tidak mampu membalas kebaikan orang lain terhadapnya sepenuhnya, dan hanya Allah sahaja mampu membalas dengan terbaik.

Berdasarkan dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah dipengaruhi oleh masyarakat setempat di mana penggambaran berlangsung di sekitar ibu kota Mesir.

Amir: Wardah, bandar Kaherah ku rasakan **khali** tanpa surat-surat mu. Bunyi motokar yang menderu di kota Fistar atau dalam **solah solihin** seakan hilang diletupi bayangan sunyi. Dan hembusan **sahrawi** yang mengirim debu pasir itu bagai membawa mersik suara.

(Episod 1, minit 01:50)

Berdasarkan ayat di atas, perkataan **khali** merupakan kata sifat dalam bahasa Arab yang membawa maksud 'kosong' atau 'sunyi'. Penulis menggunakan perkataan tersebut untuk menunjukkan perasaan sunyi kerana tidak menerima sebarang surat daripada Wardah. Manakala perkataan **solah solihin** pula bermaksud dewan. Penutur mengungkapkan perkataan Arab tersebut yang merupakan istilah yang biasa digunakan oleh penduduk Mesir. Begitu juga perkataan **sahrawi** yang bermaksud gurun. Gurun pula merujuk satu tempat yang luas ditutupi oleh padang pasir yang hanya wujud di beberapa kawasan Tanah Arab.

Amir: **Ana** nak ke **maktabah** kejap. Nak cari alat tulis.

(Episod 1, minit 01:50)

Berdasarkan ayat tersebut, **ana** bermaksud saya, manakala **maktabah** yang merupakan kata nama yang bermaksud perpustakaan. Jika dilihat dengan teliti, penulis memasukkan dua perkataan arab dalam satu ayat. Ayat tersebut bermaksud 'saya mahu ke perpustakaan sebentar'.

Amir: **Kholâs! Kholâs ya ākhi!** Ada sebab dia cakap macam tu.

(Episod 1: 15:27minit)

Penggunaan perkataan Arab 'dialek **Kholâs** yang bermaksud 'sudah' atau 'selesai'. Selain itu, **ya ākhi!** Membawa maksud wahai saudara lelakiku. Berdasarkan dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah ungkapan penutur kepada rakan yang disertai dengan nada yang tinggi untuk

memberi arahan dalam bahasa sasaran. Kemudian, ungkapan tersebut disusuli dengan bahasa ibunda dalam nada yang rendah. Dialog tersebut telah menonjolkan penyampaian emosi penutur kepada pendengar dalam memberi kesan kepada penghayatan penonton.

Amir: **Ana** akan cuba, ustaz. *'In shā'a llāh.*

(Episod 2, minit 16:02)

Berdasarkan ayat pertama, alih kod berlaku pada perkataan **ana** yang bermaksud saya. Kemudian, diikuti dengan frasa yang bermaksud 'jika diizinkan Allah *إن شاء الله*

Ayat penyata tersebut dituturkan dengan nada yang mendatar oleh penutur dengan reaksi bersahaja. Justeru, dalam dialog tersebut terkandung dua bahasa dalam ungkapan penutur yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu serta diakhiri dengan bahasa Arab. Penggunaan alih kod tersebut adalah dipengaruhi tabiat kebiasaan penutur dalam perbualan. Watak yang dibawa oleh penutur menunjukkan satu individu yang selesa dalam menggunakan bahasa sasaran dalam perbualan ringkas.

Cikgu: Maafkan cikgu mengganggu kelas **antum** semua.

(Episod 4, minit 14:20)

Pengkaji mendapati bahawa alih kod berlaku pada perkataan **antum** yang bermaksud 'kamu semua' yang menunjukkan sekumpulan atau ramai lelaki. Berdasarkan dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah dipengaruhi oleh masyarakat setempat yang mahir dalam bahasa Arab di mana penggambaran berlangsung di dalam Sekolah Maahad Tahfiz.

Amir: **Ya Allah, Ya Wadud, Ya Latif**, bantukan lah aku menghadapi isu percintaan ku dengan Wardah.

(Episod 4, minit 14:40)

Ayat diatas didahului alih kod frasa yang menyeru nama-nama Allah iaitu **Ya Allah, Ya Wadud, Ya Latif**. Justeru, **Ya Wadud** yang bermaksud Wahai Maha Pencinta dan **Ya Latif** pula membawa maksud Wahai Maha Lemah Lembut. Berdasarkan dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah menunjukkan imej individu yang mahir dalam bahasa ibunda dan bahasa sasaran. Monolog tersebut menyampaikan emosi penutur dengan penuh harapan kepada tuhanNya dalam dua bahasa dalam memohon pertolongan-Nya.

Imam: ***Al-Hamdu Lil-Lāh*** Amir. Pak Imam suka sangat kamu jadi imam. Suaranya sedap, nafasnya Panjang, tajwid nya bagus. Pak Imam rasa seolah-olah sembahyang di Mekah.

(Episod 5, minit 03:02)

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat satu frasa yang diungkapkan iaitu; ***Alhamdulillah*** dari segi bahasa bermaksud segala puji itu hanya untuk Allah. Dari segi huraian maksudnya segala yang kita ada, semuanya adalah milik Allah. Pengkaji mendapati bahawa dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah merujuk kepada pengalihan emosi individu kepada tuhan atas kurniaan yang diberikan. Watak tersebut merupakan imam kampung yang mahir dalam ilmu agama dan bahasa Arab. Dialog tersebut melahirkan perasaan yang gembira dan bersyukur yang diungkapkan dalam dua bahasa.

Amir: Boleh tengok bumi para ***anbiya'*** bumi Nabi Musa ***Alaihi as-salam***.

(Episod 6, minit 13:07)

Berdasarkan ayat di atas, terdapat dua perkataan yang terlibat dalam alih kod BA- BM iaitu perkataan ***anbiya'*** dan ***Alaihis Salam***. Perkataan ***anbiya'*** merupakan jamak kepada perkataan 'nabi' iaitu para nabi. Perkataan bumi para nabi yang dituturkan merujuk kepada negara Mesir oleh penutur. Seterusnya, frasa ***Alaihis Salam*** yang membawa maksud 'Semoga keselamatan dilimpahkan kepadanya'. Ungkapan ini biasanya diberikan kepada para nabi dan Rasul termasuk juga para malaikat. Berdasarkan dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah dipengaruhi oleh tahap pendidikan yang telah diterima antara penutur dan pendengar. Perbualan tersebut berlangsung dengan baik kerana kedua-dua pihak memahami ungkapan tersebut.

Amir: ***Ana*** nak ***bertalaqqi*** beberapa buat kitab lama. Dalam masa yang sama ana nak ***meruj'ah*** Al-Quran.

(Episod 7, minit 26:18)

Berdasarkan ayat di atas, ***ana*** bermaksud saya, diikuti dengan perkataan ***talaqqi pada bahasa*** bermaksud pertemuan secara berhadapan atau bersemuka. Manakala menurut istilah, ialah pertemuan antara guru dan murid secara bersemuka. Lebih mudah ialah, guru membacakan sepotong ayat kepada sekumpulan murid dan kemudian murid mengikut bacaan guru secara berhadapan dengan guru beramai-ramai. Di samping itu, berdasarkan ayat di atas, perkataan ***muraj'ah*** yang bermaksud 'mengulangkaji' iaitu suatu proses mempelajari atau menyemak semula dengan tujuan memahami dan mengingat semula hafalan Al-Quran.

Pengkaji mendapati bahawa dialog tersebut menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah dipengaruhi oleh tahap pendidikan yang telah

diterima antara penutur dan pendengar. Perbualan tersebut berlangsung dengan baik kerana kedua-dua pihak memahami ungkapan tersebut.

Amir: **Alhamdulillah, In Sha Allah ana** akan doakan yang terbaik untuk **anta**. Nanti **anta** jagalah wardah baik2 ya.

(Episod 7, minit 18:52)

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat dua frasa yang diungkapkan iaitu; **Alhamdulillah** (الحمد لله) dari segi bahasa bermaksud segala puji itu hanya untuk Allah. Dari segi huraian maksudnya segala yang kita ada, semuanya adalah milik Allah. Kemudian, diikuti dengan alih kod dalam frasa **Insya Allah** yang bermaksud 'jika diizinkan Allah' (إن شاء الله). Ayat penyata tersebut dituturkan dengan nada yang mendarat sebelum disambungkan kepada ungkapan seterusnya.

Berdasarkan dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah dipengaruhi oleh tahap pendidikan serta kebiasaan ungkapan dalam perbualan harian. Namun perbualan tersebut yang telah berjalan lancar antara penutur dan pendengar. Perbualan tersebut berlangsung dengan baik kerana kedua-dua pihak memahami ungkapan dialog tersebut.

Ustaz: Tahnia! **Anta** dapat keputusan **mumtaz**. Ustaz dah agak dah. **Anta** mesti dapat keputusan cemerlang.

(Episod 8, minit 16:48)

Contoh diatas terdiri daripada dua ayat. Ayat pertama mengandungi alih kod dalam perkataan '**enta**' atau '**anta**' yang bermaksud 'kamu' yang ditujukan kepada jantina lelaki. Manakala perkataan kedua adalah **mumtaz** yang bermaksud 'cemerlang'. Berdasarkan dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah bertujuan untuk menguatkan isi ungkapan dalam sasaran dengan bahasa ibunda. Perbualan tersebut mengandungi alih kod bagi menzahirkan emosi penutur kepada pendengar.

Rahim: Amir, Persatuan Pelajar-pelajar Mesir adakan **jaulah** di tempat **imtihān**.

(Episod 9, minit 19:44)

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat dua perkataan alih kod BM-BA dalam satu ayat iaitu; **jaulah** dan **imtihān**. Perkataan **jaulah** bermaksud lawatan dan perkataan **imtihān** bermaksud peperiksaan. Justeru, ayat yang tepat dimaksudkan adalah 'Persatuan Pelajar-pelajar Mesir adakan lawatan di tempat peperiksaan'.

Rahim: Apa kata **anta** jadi ahli jawatankuasa **jaulah**, **anta** jadi **mushrif** dan membantu Boleh ke?

(Episod 9, minit 24:30)

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat tiga perkataan Arab; iaitu **jaulah**, **anta**, dan **mushrif**. **Jaulah** bermaksud lawatan, perkataan '**enta**' atau '**anta**' yang bermaksud 'kamu' yang ditujukan kepada jantina lelaki. Manakala **mushrif** bermaksud pengawal.

Rahim: Kalau ada sebarang **masyaqqah**, bagitahu **ana**.

(Episod 9, minit 26:00)

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat dua perkataan Arab; iaitu **masyaqqah** dan **ana**. Ayat tersebut didahului oleh perkataan **masyaqqah** yang bermaksud 'kesulitan'. Kemudian, diikuti perkataan **ana** bermaksud saya. Oleh itu, terjemahan yang tepat bagi ayat tersebut adalah; 'jika terdapat sebarang kesulitan, sila maklumkan kepada saya'.

Berdasarkan dialog dalam episod ini, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Melayu dan diikuti dalam bahasa Arab. Penggunaan alih kod tersebut adalah dipengaruhi oleh tahap pendidikan yang telah diterima antara penutur dan pendengar. Perbualan tersebut berlangsung dengan baik kerana kedua-dua pihak memahami ungkapan tersebut

Amir: **Astağfiru Llāh Al-Azim** Apa pun, terima kasih Rahim sebab sudi telefon **ana** dari jauh ni.

(Episod 10, minit 17:53)

Berdasarkan ayat di atas, perkataan **ana** bermaksud saya, merupakan perkataan arab yang hadir selepas frasa **Astağfiru Llāh Al-Azim**. Ianya bermaksud 'Aku mohon ampunan kepada Allah Yang Maha Agung'.

Amir: Baiklah **tamam**.

(Episod 10, minit 21:15)

Ayat tersebut sangat pendek, namun jelas terlihat alih kod di dalam ayat tersebut. Frasa '**In Shā'a Llāh**' yang bermaksud 'jika diizinkan Allah'. Ayat penyata tersebut dituturkan dengan nada yang mendatar sebelum disambungkan kepada perkataan **tamam** yang bermaksud 'sempurna'.

Rahim: **Ana** setuju kalau **anta** nak **taqdim** Balqis tu. Asalkan perkara tu baik. Teruskan je lah.

(Episod 11, minit 32.27)

Berdasarkan ayat di atas, terdapat tiga perkataan Arab iaitu; **Ana**, **anta** dan **taqdim**. **Ana** bermaksud saya, diikuti dengan perkataan '**enta**' atau '**anta**' yang bermaksud 'kamu'. Manakala **taqdim** pula bermaksud meminang atau melamar seseorang gadis sebelum pernikahan.

Rahim: Ada seorang **ākhawat** ni, Ustazah Balqis namanya. Sudah 2 kali Ustaz Amir selamatkan dia dari musibah. Malangnya, dia tak tahu Ustaz Amir yang selamatkan dia.

(Episod 11, minit 33:43)

Berdasarkan ayat di atas, hanya satu perkataan Arab ditemui iaitu perkataan **ākhawat** yang bermaksud saudara-saudara perempuan. Walaupun pada hakikatnya, watak tersebut tidak mempunyai sebarang ikatan kekeluargaan dengan penutur, namun disebabkan faktor kehidupan masyarakat sekitar seperti masyarakat Mesir yang me

Rahim: Supaya perjalanan kita di bawah lindungan rahmat-Nya. Kita akan mulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh ustaz Kamal. **Tafaddal**.

(Episod 11, minit 41:13)

Berdasarkan ayat di atas, perkataan **Tafaddal** bermaksud 'dipersilakan' yang terdapat di akhir ayat tersebut. Kebiasaannya perkataan 'dipersilakan' digunakan dalam majlis ketika mengundang tetamu kehormat untuk tampil ke hadapan atau berucap.

Balqis: Dia tu lelaki **ajnabi**. Kalau Aqis fikir yang bukan-bukan, boleh jatuh pada zina hati.

(Episod 12, minit 5:52)

Berdasarkan ayat di atas, terdapat satu perkataan Arab iaitu; **ajnabi** yang membawa maksud orang asing iaitu yang bukan suaminya dan juga bukan mahram yang tidak ada pertalian darah dan boleh kahwin dengannya. Berdasarkan dialog di atas, penutur telah membawa watak yang sangat baik dalam menunjukkan kebaikan agama Islam kepada penonton dengan menjaga pergaulan antara lelaki dan perempuan.

Amir: Dia minta tolong untuk tengokkan keputusan **imtihan** dan dia juga berteima kasih kerana **anta** sudi menjadi kawan dia selama ni.

(Episod 12, minit 35:40)

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat dua perkataan Arab iaitu; dan perkataan **imtihan** bermaksud peperiksaan. Kemudian diikuti dengan perkataan iaitu, 'enta' atau 'anta' yang bermaksud 'kamu'. Perkataan **imtihan** digunakan oleh penutur dalam ungkapan dialog tersebut, secara tidak langsung menunjukkan latar belakang akademik penutur yang mempelajari bahasa Arab dalam kehidupannya. Jika penutur fasih berbahasa Inggeris, pasti penutur menggunakan perkataan 'exam' atau 'quiz' dengan nada yang bersahaja.

Rahim: Amir lulus dengan **jayyid jiddan**.

(Episod 12, minit 37:54)

Berdasarkan ayat tersebut, perkataan *jayyid jiddan* adalah bermaksud 'sangat baik'. Perkataan tersebut merujuk kepada tahap pencapaian Amir yang lulus dalam peperiksaan. Berdasarkan dialog tersebut, penutur telah menggunakan dua bahasa dalam ungkapannya yang didahului bahasa Arab dan diikuti dalam bahasa Melayu. Penggunaan alih kod tersebut adalah dipengaruhi oleh masyarakat setempat di mana penggambaran berlangsung di sekitar ibu kota Mesir.

6.0 Kesimpulan

Jadual 1: Bilangan Keseluruhan Alih Kod Inter-Ayat

Jenis Alih Kod	Episod drama 'Warkah Cinta'	Jumlah dialog
Inter-Ayat	1	2
	2	2
	4	1
	6	1
Jumlah Keseluruhan		6

Berdasarkan jadual di atas, alih kod jenis inter-ayat hanya melibatkan episod 1,2,4 dan 6 sahaja. Berdasarkan keempat-empat episod, jumlah keseluruhan yang ditemui adalah 6 dialog iaitu, ep1=2, ep2=2, ep 4=1 dan ep 6=1.

Selain itu, pengkaji juga menghimpunkan bilangan dialog jenis intra-ayat ke dalam jadual di bawah.

Jadual 2: Bilangan Keseluruhan Alih Kod Intra-Ayat

Jenis Alih Kod	Episod drama 'Warkah Cinta'	Jumlah dialog
Intra- Ayat	1	7
	2	1
	4	2
	5	1
	6	1
	7	3
	8	1
	9	2
	10	2
	11	3
	12	3
	Jumlah Keseluruhan	

Berdasarkan jadual 17, dialog yang mengandungi jenis intra-ayat melibatkan 11 episod. Jumlah dialog yang ditemui juga berbeza mengikut episod antaranya ep1=7, ep2=1, ep4=2, ep5=1, ep6=1, ep7=3, ep8=1, ep9=2, ep10=2, ep11=3 dan ep12=3. Jumlah keseluruhan dialog intra-ayat adalah 26. Ini menunjukkan bahawa penggunaan alih kod intra-ayat lebih tinggi berbanding inter-ayat dalam dialog drama 'Warkah Cinta'.

Kesimpulannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa penggunaan alih kod inter-ayat lebih digunakan dengan kerap berbanding intra-ayat. Ke kerapannya penggunaan alih kod intra-ayat melambangkan kecekapan penutur dalam menguasai kedua-dua bahasa seperti mana yang dikatakan oleh sarjana yang lain. Manakala alih kod jenis tag pula tidak dijumpai dalam dialog drama tersebut. Di samping itu, secara tidak langsung pengkaji juga dapat penelitian bahawa penggunaan alih kod Melayu-Arab adalah disebabkan pengaruh masyarakat sekitar dalam penggunaan bahasa dan taraf pendidikan penutur yang ditonjolkan dalam perbualan seharian.

Rujukan

- Al-Hourani, A. & Afizah, T. N. (2013). Code switching in daily conversation. *International Journal of Social Science and Humanities Research (IJSSHR)*, 1(1), 40 - 43.
- Al-Masaeed. Khaled (2013). *Functions of Arabic-English Code Switching: Sociolinguistic Insight from A Study Abroad Program*. Phd. University of Arizona.
- Asiah Sarji. (2003). Perfileman Dan Kesannya Terhadap Masyarakat: Ke Arah Pengekalan Dan Penyuburan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 19: 1-21
- Asmah Hj. Omar (1982) *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Eldin, A. A. T. S. (2014). Socio Linguistic Study of Code Switching of the Arabic Language Speakers on Social Networking. *International Journal of English Linguistics*, 4(6). <https://doi.org/10.5539/ijel.v4n6p78>
- Faiz Awae (2015) Fungsi Alih Kod Dalam Komunikasi Masyarakat Melayu Patani Vol 14, No 1 (2015): Jun. *Jurnal Melayu*
- Farid M. Osman, Ajid Che Kob, Ramli Salleh (1989) *Alih kod dan Refleksi Sosial dalam Masyarakat Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Grosjean, F. (1982). *Life With Two Languages. An Introduction To Bilingualism*. Cambridge, Mass: Harvard University Press.
- Gumpe, J.J. 1982. *Discourse Strategies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Halmari, H. 1977: *Government And Code Switching: Explaining American Finnish*. Amsterdam Philadelphia: Benjamins.
- Halmari, H. 1977: *Government And Code Switching: Explaining American Finnish*. Amsterdam Philadelphia: Benjamins.
- Hamidah Yamat, N Maarof, K Osman, M Yunus (2003) ,Keupayaan penguasaan kemahiran Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Melayu dalam arus globalisasi Dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Arus Perdana 11*, 226-266

- Hassan Ahmad. (2009). *Bahasa Melayu Sebagai Alat Pembinaan Jati Diri Negara Bangsa Malaysia*. Prosiding Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-V, hal. 488-498.
- Heller, M. (1988). *Code Switching: Antropoligical And Sociological Perspectives*. Berlin: Jamaluddin Aziz. (2011). *Pelakon Tambahan Dan Mutu Filem*. Sinema Malaysia. 1: 19-21
- Jdetawy, L. F. A. (2011). *Arabic-English code-switching among Arab students at UUM, Malaysia*. *Language in India*, 11(5), 102-117.
- Li, W. (2000). *Dimensions of bilingualism*. In Li Wei (Ed.). *The bilingualism reader*. New York: Routledge.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, (2015) *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 3 (3). pp.49-57. ISSN 2289-1706
- Mohd Alwee Yusoff. (2006). *Perkataan Arab Dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Dari Aspek Semantik*. *Jurnal Usuluddin*. Bil 23-24, 239-254.
- Myers-Scotton, C. (1993) *Duelling Languages. Gramatical Structure In Code Switching*. Oxford: Oxford University Press.
- Poplack, S. (1980). *The notion of the plural in Puerto Rican Spanish: Competing constraints on (s) deletion*. In William Labov (Ed.), *Locating language in time and space* (pp. 55–66). Academic Press.
- Rabab'ah, G. A., Rabab'ah, B. B., & Suleiman, N. A. (2016). *Instant messaging language in Jordanian female school students' writing*. *Teaching English with Technology*, 16(2), 116–142
- Valdes-Fallis, (1978) *Code Switching And The Classroom Teaching*. Arlington, VA: Center For Applied Linguistic.
- Wawarah Saidpudin & Wan Amizah Wan Mahmud (2015) *International Conference On Postgraduate Research 2014 (ICPR 2014) Proceeding Of International Conference On Postgraduate Research (ICPR 2014)(E-ISBN 978- 983-3048-98-4)*. 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA. Page 292